

28 SEP 2002

Aziz-Bantuan/I

KEMENTERIAN KAJI PELAJAR YANG PERLUKAN BANTUAN RM120 SETAHUN

PARIT, 28 Sept (Bernama) -- Kementerian Pendidikan akan mengenal pasti pelajar miskin yang layak diberi bantuan RM120 setahun untuk membeli pakaian seragam dan buku sekolah, kata Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Abdul Aziz Samsuddin.

Beliau berkata para pelajar itu bukan sahaja dari kalangan keluarga miskin di luar bandar malah di bandar juga.

"Terdapat keluarga yang tinggal di kawasan bandar tetapi berpendapatan kira-kira RM1,000 sehingga menyukarkan untuk menghantar anak mereka bersekolah," katanya kepada pemberita selepas melancarkan projek kemasyarakatan Bank Simpanan Nasional (BSN) bagi negeri Perak, di sini hari ini.

Oleh itu kerajaan akan memberikan bantuan berkenaan bagi memastikan setiap kanak-kanak di negara ini memperolehi pendidikan asas, tambahnya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa membentangkan Bajet 2003 baru-baru ini, mengumumkan peruntukan RM120 kepada pelajar miskin bagi membeli peralatan persekolahan.

Peruntukan itu yang bermula tahun depan akan melibatkan perbelanjaan tahunan RM87.8 juta untuk kemudahan 730,000 pelajar.

Abdul Aziz berkata ketua kampung, penghulu, pengetua sekolah, Jabatan Penerangan dan polis akan diminta untuk mengenal pasti pelajar yang memerlukan bantuan dan mengawasi pemberian bantuan.

Sementara itu beliau berkata arahan kepada kolej swasta yang mengambil pelajar asing untuk mendaftar semula lesen mereka, adalah bertujuan melindungi kepentingan pelajar dan keluarga mereka.

"Kolej berkenaan perlu menyusun semula organisasi mereka dan memberitahu kita (kementerian) senarai kursus yang ditawarkan. Di masa depan kita akan mengawasi pencapaian mereka dan membuat keputusan sama ada mereka perlu membuat permohonan lesen sekali sahaja atau setiap tahun," katanya.

Semalam kementerian itu mengeluarkan arahan agar 277 institusi pengajian tinggi dan kolej swasta di negara ini yang mengambil pelajar asing mendaftar semula lesen mereka dalam tempoh enam bulan.

Ini antara lain bagi membendung pelbagai penyelewengan, termasuk menyalahgunakan pas pelajar antarabangsa.

-- BERNAMA

KAY HM